



Majlis KONVOKESYEN UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

■ Dewan Besar UTeM ■ 20 - 21 Oktober 2012




UTeM

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



Ke-



LG
173
.M44
.M35
2012
a
v8
suppl.

SEKAPUR Sirih

FAKULTAS/BAHAGIAN	
Universiti Teknikal Malaysia Melaka	
No. Ahsan	No. Pengajian
87516067	
TARIKH	
06 SEP 2012	

DENGAN NAMA ALLAH YANG MAHA PEMURAH LAGI MAHA PENYAYANG

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam 1 Malaysia

Alhamdulillah dipanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT, dengan limpah kurniaNya maka dapat kita bersama berhimpun pada detik yang penuh dengan adat istiadat bersejarah dalam peredaran usia Universiti iaitu Majlis Konvokesyen Ke-8 Universiti Teknikal Malaysia Melaka Tahun 2012.

Setinggi tahniah kepada semua graduan UTeM yang diraikan kerana berjaya menamatkan pengajian dalam bidang masing-masing seterusnya menerima pengiktirafan akademik atas pencapaian yang cemerlang. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada para ibu bapa kerana kejayaan para graduan hari ini adalah hasil doa restu dan susah payah tuan-tuan dan puan-puan mendidik dan membesarkan mereka serta menyediakan segala yang perlu dengan penuh kasih sayang. Kini, kita semua boleh berbangga atas kejayaan anak-anak yang dikasihi dalam memiliki segulung ijazah yang bakal membantu mereka menggapai cita-cita yang lebih tinggi.

Majlis Konvokesyen UTeM Ke-8 Tahun 2012 berlangsung selama 2 hari dan buat julung kalinya diadakan sebanyak 4 sesi berikutan peningkatan bilangan pelajar yang bergraduasi pada tahun ini. Kita akan menyaksikan keseluruhan penganugerahan ijazah kepada 1862 orang graduan dalam pelbagai bidang dan peringkat pengajian. Mereka terdiri daripada 2 orang graduan Ijazah Doktor Falsafah, 178 orang graduan Ijazah Sarjana, 1365 orang graduan di peringkat Sarjana Muda dan 317 orang graduan Diploma. Jumlah graduan yang telah dilahirkan oleh UTeM sejak penubuhannya kini mencecah 10,620 orang. Di samping itu, UTeM turut menganugerahkan Ijazah Doktor Kehormat kepada tiga individu ternama iaitu Ijazah Kehormat Doktor Pengurusan kepada YBhg. Tan Sri Mohd Sidek bin Hj. Hassan, Ijazah Kehormat Doktor Pembangunan Pendidikan Teknologi Maklumat kepada YBhg. Dr. Ir. Edi Noersasongko dan Ijazah Kehormat Doktor Keusahawanan kepada YBhg. Dato' Sri Mohd Nadzmi bin Mohd Salleh.

UTeM komited untuk melahirkan ahli profesional yang kompeten dan berketerampilan tinggi dalam bidang teknikal. Langkah penambahbaikan program akademik dilaksanakan secara tersusun dan berterusan. Hasilnya program akademik yang ditawarkan oleh UTeM sentiasa dipastikan berkualiti dan relevan dengan kehendak pasaran pekerjaan. Dengan itu Majlis Konvokesyen ini menyaksikan UTeM melahirkan graduan-graduan yang benar-benar kompeten untuk mengisi keperluan modal insan di Malaysia.

Kini sampai masanya ilmu yang dituntut digunakan untuk pembangunan negara. Aspek kompetensi, kaya dengan aspirasi, tahan lasak, tidak putus asa, berdikari dan boleh kerja berpasukan, berkeinginan menerokai ilmu pengetahuan serta dapat menyumbang kepada kesejahteraan agama, bangsa, negara dan dunia seterusnya sentiasa berupaya menyumbang dan menyelesaikan masalah dan cabaran merupakan di antara ciri-ciri yang anda perlu punyai dengan nilai integriti yang tinggi. Ancaman yang lebih kompleks dan pelbagai dihadapi masa kini di mana pengaruh negatif telah banyak membawa keruntuhan moral dan budaya dalam kehidupan manusia. Justeru tumpuan pembangunan generasi muda selaku pemangkin transformasi bukan sahaja kepada akal budi malah dapat diterjemahkan dengan akhlak yang baik serta diseimbangkan antara teknologi tinggi dengan sentuhan keinsanan bagi melahirkan pemimpin berkualiti yang dilengkapi dengan etika dan adab yang tinggi. Peredaran masa yang pantas dan teknologi yang bersilih ganti menuntut sifat sentiasa memperbaharui ilmu walau pun selesai mendapat ijazah pada hari ini. Belajarlah hingga akhir hayat bermaksud pembelajaran berterusan mesti diamalkan.

Selamat berkerjaya menabur bakti kepada masyarakat dan negara serta dunia. Tanamkan azam dan berusaha dengan gigih apabila diberi tanggungjawab semasa bekerja. Bagi pihak seluruh warga Universiti, saya mendoakan kejayaan dan kecemerlangan para graduan baik dalam bidang kerjaya mahupun dalam kehidupan masing-masing. InsyaAllah dengan pengiktirafan akademik yang diterima pada konvokesyen ini dan berbekalkan semangat jati diri yang teguh, ia bakal menjadikan saudara-saudari individu yang cemerlang lagi terbilang.

*Di puncak impian bukanlah igauan;
Tinggi gunung tingginya harapan
Dulunya mahasiswa kini graduan;
Sekalung tahniah teruskan kejayaan*

*Datang ke Melaka dibawa meronda;
Menara taming sari cantik bercahaya
Kenangilah jasa ayah dan bonda;
Melahir membesarkan hingga berjaya*

Sekian, terima kasih.
Salam hormat,

Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan
Naib Canselor

SEKAPUR

Foreword

FOREWORD

LG173.M44 .M35 2012 v8 suppl.



87516067

IN THE NAME OF ALLAH, THE MOST GRACIOUS, THE MOST MERCIFUL.
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh and Salam 1Malaysia

Praise be to Allah, for it is with His Good Grace that we are able to gather here in this auspicious and historic occasion – the 8th Convocation Ceremony of Universiti Teknikal Malaysia Melaka, 2012.

My heartiest congratulations goes out to all celebrated UTeM Graduands for the success of completing your studies to receive this academic recognition today. I'd also like to express my heartfelt gratitude to all parents and guardians. Your children's success would not be without your dedicated prayers, support and love in raising and providing them with everything they need. Today, our hearts swell with pride as we witness our children receive their much-deserved degrees.

UTeM's 8th Convocation Ceremony 2012 will be held for two days and for the first time ever, four sessions, to accommodate the increasing number of graduands we have this year. We will witness a total of 1862 graduands today, cutting across various disciplines and levels. There are 2 PhD degree graduands, 178 Master degree graduands, 1365 Bachelor degree graduands and 317 Diploma graduands. The total number of graduates that UTeM has produced until today has reached 10,620 people.

In addition, UTeM is also honoured to award Honorary Degrees to three very exceptional individuals. They are YBhg. Tan Sri Mohd Sidek bin Hj Hassan who receives the Honorary Doctorate in Management, YBhg. Dr. Ir. Edi Noersasongko who receives the Honorary Doctorate in Educational Information Technology and also YBhg. Dato' Sri Mohd Nadzmi bin Mohd Salleh who receives the Honorary Doctorate in Entrepreneurship.

UTeM has always been committed in producing competent and highly-skilled professionals in various technical fields. Improvement plans are carried out consistently and systematically. This way, our academic programs are ensured in its quality and relevance to fulfill the needs of the job market. This convocation ceremony witnesses the birth of truly competent graduates in line with the human capital needs in Malaysia.

Now, the time has come for the all the knowledge acquired to be put to the good of the country. Being competent, aspirational, resilient, dedicated, independent yet a team-player, has an insatiable thirst for knowledge, as well as able to contribute to one's religion, race, country and the world, not to mention able to offer as well as solve problems and challenges with unquestionable integrity, are traits that you should possess. We are faced with more present and complex threats where negative influences threaten our moral beliefs and culture every day. Therefore, the development of the younger generation as catalysts of transformation should not only focus on the matters of the brain but also on good character, and a balanced of high technology and a human touch. This is critical to produce charismatic leaders who are ethical and possess a high moral ground. Time waits for no man, and the fast evolving technology demands an equally rapid renewal of skills and knowledge. Learning is indeed a lifelong process.

I wish you the best in your careers and in contributing to your societies and country as well as the world as a whole. Be prepared to work hard and smart when given responsibilities at work. On behalf of the entire University, I pray that you are and will remain successful and excellent in your careers and lives. God-willing, with the degree that you receive today, accompanied with a strong will and rock-solid determination, you will flourish to become outstanding and distinguished individuals.

*Di puncak impian bukanlah igauan;
Tinggi gunung tingginya harapan
Dulunya mahasiswa kini graduan;
Sekalung tahniah teruskan kejayaan*

*Datang ke Melaka dibawa meronda;
Menara taming sari cantik bercahaya
Kenangilah jasa ayah dan bonda;
Melahir membesarkan hingga berjaya*

Thank you.

Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan
Naib Canselor

CANSELOR CHANCELLOR



Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Melaka
Tun Datuk Seri Utama MOHD KHALIL BIN YAAKOB
S.M.N., D.U.N.M., S.U.M.Z., S.J.M.K., S.S.A.P.P.S.M., S.I.M.P.,
S.P.D.K., D.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P., G.C.O.M. (GER)

PRO CANSELOR
PRO CHANCELLOR



Yang Berbahagia Tan Sri Datuk
DR. JOHARI BIN MAT
K.M.N., J.S.M., D.M.S.M., P.S.M.

MENTERI PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA
MINISTER OF HIGHER EDUCATION MALAYSIA




UTeM



Yang Berhormat Dato' Seri
MOHAMED KHALED BIN NORDIN
P.N.B.S., D.I.M.P., S.P.M.P., D.S.P.N., P.I.S., S.M.J.

PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI
CHAIRMAN OF THE UNIVERSITY
BOARD OF DIRECTORS




Yang Berbahagia Datuk Ir. Dr.
HJ. AHMAD ZAIDEE BIN LAIDIN
P.J.N., D.P.M.P., K.M.N., SenFASc, D Univ (Stirling),
Hon D Litt (Manchester Metropolitan), Hon D Technology
(Brookes), Hon Prof (Napier), Hon D Elect Eng (UiTM),
P.Eng, Hon Fellow IEM, Hon Fellow AFEO, ASEAN Eng,
P.Eng, MCEM

NAIB CANSELOR
VICE CHANCELLOR



Yang Berbahagia Profesor Datuk
DR. AHMAD YUSOFF BIN HASSAN
A.M.P., D.M.S.M

LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI UNIVERSITY BOARD OF DIRECTORS



PENGERUSI – Chairman
Y.BHG. DATUK IR. DR. HAJI AHMAD ZAIDEE BIN LAIDIN



AHLI - Member
Y.BHG. PROF. DATUK DR. AHMAD YUSOFF
BIN HASSAN



AHLI - Member
Y.B. DATUK WIRA HAJI OMAR BIN KASEH



AHLI - Member
Y.BHG. DATUK DR. HAJI ABDUL RAMAN
BIN HAJI SAAD



AHLI - Member
Y.B. DATUK WIRA IR. HAJI IDRIS
BIN HAJI HARON



AHLI - Member
Y.BHG. PROF. DR. AZALI BIN MOHAMED
(sehingga 14 Mei 2012)



AHLI - Member
Y.BHG. PROF. DR. SHAMSUDDIN BIN BAHARIN
(dari 1 Julai 2012)



AHLI - Member
ENCIK TAJOL AZHAR BIN MD. TAHIR



AHLI - Member
ENCIK OMAR SHARIFF
BIN MYDEEN




AHLI - Member
ENCIK AZRUL BIN AZIZ



AHLI GANTI - Alternate Member
ENCIK SHAHID-DIN BIN MOHD KHTAB



SETIAUSAHA - Secretary
ENCIK HASAN BIN SIRUN



SENAT SENATE



AHLI - Member
Y.BHG. PROF. DATO' DR. MOHAMAD KADIM BIN SUAIDI
TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK DAN ANTARABANGSA)
Deputy Vice Chancellor (Academic and International)



PENGERUSI - Chairman
Y.BHG. PROF. DATUK DR. AHMAD YUSOFF BIN HASSAN
NAIB CANSOLOR
Vice Chancellor



AHLI - Member
Y.BHG. PROF. IR. DR. MOHD JAILANI BIN MOHD NOR
TIMBALAN NAIB CANSOLOR (PENYELIDIKAN DAN INOVASI)
Deputy Vice Chancellor (Research & Innovation)



AHLI - Member
ENGR. PROF. DR. MARIZAN BIN SULAIMAN
PENOLONG NAIB CANSOLOR
(HAL EHWAL
PELAJAR & ALUMNI)
Assistant Vice Chancellor
(Student Affairs & Alumni)



AHLI - Member
PROF. DR. MUHAMMAD GHAZIE
BIN ISMAIL
PENOLONG NAIB CANSOLOR
(JARINGAN INDUSTRI & MASYARAKAT)
Assistant Vice Chancellor
(Industry & Community Network)



AHLI - Member
PROF. DR. MOHD RAZALI BIN MUHAMAD
DEKAN PUSAT PENGAJIAN SISWAZAH
Dean, Centre for Graduate Studies



AHLI - Member
PROF. MADYA DR. ZULKIFLIE BIN IBRAHIM
DEKAN FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRIK
Dean, Faculty of Electrical Engineering



AHLI - Member
PROF. MADYA DR. ABDUL RANI BIN OTHMAN
DEKAN FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRONIK &
KEJURUTERAAN KOMPUTER
Dean, Faculty of Electronic &
Computer Engineering



AHLI - Member
PROF. DR. MD. RAZALI BIN AYOB
DEKAN FAKULTI KEJURUTERAAN MEKANIKAL
Dean, Faculty of Mechanical Engineering



AHLI - Member
DR. MOHD RIZAL BIN SALLEH
DEKAN FAKULTI KEJURUTERAAN PEMBUATAN
Dean, Faculty of Manufacturing Engineering



AHLI - Member
PROF. DR. SHAHRIN BIN SAHIB @ SAHIBUDDIN
DEKAN FAKULTI TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN
KOMUNIKASI
Dean, Faculty of Information and
Communication Technology



AHLI - Member
PROF. MADYA DR. MD. NORHAYATI
BIN TAHIR
DEKAN FAKULTI PENGURUSAN TEKNOLOGI
DAN TEKNOUSAHAWANAN
Dean, Faculty of Technology Management
& Technopreneurship



AHLI - Member
PROF. MADYA MOHD RAHIMI BIN YUSOFF
DEKAN FAKULTI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN
Dean, Faculty of Engineering Technology



AHLI - Member
DR. MARIANA BINTI YUSOFF
DEKAN PUSAT BAHASA &
PEMBANGUNAN INSAN
Dean, Centre for Languages &
Human Development



AHLI & SETIAUSAHA -
Member & Secretary
EN. HASAN BIN SIRUN
PENDAFTAR
Registrar



AHLI - Member
DATO' PROF. DR. ABU BIN ABDULLAH
 PROFESOR
 Professor



AHLI - Member
DATO' PROF. DR. MOHD NOR BIN HUSAIN
 PROFESOR
 Professor



AHLI - Member
PROF. MADYA SHAHDAN BIN MD. LANI
 PENGARAH PUSAT JAMINAN KUALITI
 & AKREDITASI
 Director, Centre for Quality Assurance & Accreditation



AHLI - Member
DR. SYED NAJMUDDIN BIN SYED HASSAN
 PENGARAH PUSAT PENGAJARAN & PEMBELAJARAN
 Director, Centre for Teaching & Learning



AHLI - Member
PROF. MADYA DR IZAININ BIN ABDUL MAJID
 PENGARAH PUSAT PEMBELAJARAN BERTERUSAN
 Director Centre for Continuing Education



AHLI - Member
EN. KHAIRUL BIN TAIB BENDAHARI
 Bursar



AHLI - Member
PN. HJH. FARIDAH BTE HJ. MD. AMIN
 KETUA PUSTAKAWAN
 Chief Librarian



AHLI - Member
EN. AZHAR BIN MOHAMED
 PENASIHAT UNDANG-UNDANG
 Legal Advisor



AHLI - Member
EN. MOHD ISA BIN MOHD DOM
 PENGARAH PUSAT KOMPUTER
 Director, Computer Centre



AHLI - Member
EN. ABDUL WAHAB BIN HARUN
 PENGARAH PEJABAT PEMBANGUNAN
 Director, Development Office



Anugerah Ijazah Kehormat

YBHG. TAN SRI MOHD. SIDEK BIN HAJI HASSAN

IJAZAH KEHORMAT DOKTOR PENGURUSAN

Tan Sri Mohd Sidek dilahirkan pada 24 Jun 1951 di Pekan, Pahang Darul Makmur. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Ekonomi dalam Pentadbiran Awam dari Universiti Malaya (1974) dan Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari New Hampshire College, Amerika Syarikat (1984).

Tan Sri Mohd Sidek memulakan kerjayanya dalam bidang Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik (PTD) pada bulan April 1974 sebagai Penolong Pengarah di Bahagian Perdagangan Antarabangsa, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (MITI). Beliau kemudiannya dilantik sebagai Penolong Pesuruhjaya Perdagangan, Kedutaan Besar Malaysia di Tokyo, Jepun mulai Mei 1977 hingga Julai 1980.

Beliau dilantik sebagai Ketua Penolong Pengarah, Unit Penyelarasan Perlaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (JPM) pada bulan Ogos 1980. Mulai Mac 1982, Tan Sri Mohd Sidek ditugaskan sebagai Timbalan Pengarah, Sektor Analisa Projek, dan pada bulan Julai 1984 pula sebagai Timbalan Pengarah (Penyelidikan); kedua-dua jawatan ini adalah di bawah Unit Penyelarasan Perlaksanaan, JPM.

Beliau berpengalaman luas bekerja di Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Semasa berkhidmat di Kementerian itu, beliau menjadi Pesuruhjaya Perdagangan Malaysia di Sydney, Australia (Mac 1985); Timbalan Pengarah (Operasi) Bahagian Perdagangan Antarabangsa (Jun 1992); Menteri Penasihat Hal Ehwat Ekonomi, Pejabat Pesuruhjaya Malaysia di Washington D.C, Amerika Syarikat (Oktober 1994), dan Pengarah, Bahagian Perhubungan Pelbagai Hala (Jun 1999).

Tan Sri Mohd Sidek mengambil alih sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (Perdagangan) pada Januari 2001 dan sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri pada Oktober 2004.

Beliau dilantik sebagai Ketua Setiausaha Negara (KSN) mulai September 2006. Setelah mencapai umur persaraan wajib pada 2007, khidmatnya sebagai KSN dilanjutkan secara kontrak beberapa kali sehingga Jun 2012.

Setelah bersara daripada jawatan KSN, beliau menyandang jawatan Pengerusi PETRONAS pada Julai 2012. Jawatan lain yang disandang oleh beliau sekarang termasuklah sebagai Pengerusi MRT Corporation dan Presiden, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Bercakap mengenai prinsip hidupnya, Tan Sri Mohd Sidek sentiasa mengamalkan falsafah 'memudahkan' dalam apa jua urusan yang dibuat. Sewaktu menjadi KSN, beliau amat mengambil berat tentang masalah yang dihadapi orang ramai dalam berurusan dengan perkhidmatan awam; umpamanya mendapatkan temujanji untuk menemui pegawai dan kesukaran mendapatkan borang di sesetengah jabatan atau agensi Kerajaan.

"Isu-isu sebegini sepatutnya boleh dipermudahkan, sekiranya kita mengambil *ownership* untuk tanggungjawab kita," katanya. Jika setiap individu merasakan dirinya bertanggungjawab untuk perkhidmatan yang diberi, dan tidak berselindung di sebalik polisi dan peraturan yang mungkin sudah lapuk, prestasi perkhidmatan boleh ditingkatkan dengan mendadak di mana-mana sahaja.

Tan Sri Mohd Sidek juga sentiasa menegaskan bahawa integriti adalah sifat yang terpenting untuk penjawat awam. Integriti bukan sahaja sesuatu yang tidak boleh dikompromi, malah setiap penjawat awam sepatutnya mempertahankan dan memperkukuh integriti perkhidmatan awam daripada pelbagai bentuk salah guna kuasa dan penyelewengan.


Beliau menegaskan integriti perlu dilihat dan dihayati dalam konteks yang lebih luas. Integriti bukan sahaja bermakna penjawat awam harus menjauhkan diri daripada amalan-amalan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Malah ia merangkumi nilai-nilai taat, jujur dan amanah; di mana setiap individu bertanggungjawab untuk memelihara kepentingan organisasi dan hak orang awam.

Dalam konteks integriti ini, penjawat awam akan sentiasa jujur dalam mentadbir dasar-dasar, program-program serta projek-projek kerajaan, ikhlas dalam memberikan nasihat dan pendapat, tidak menyembunyikan sebarang maklumat penting dan mustahak yang boleh menjejaskan prestasi jabatan, dan sentiasa sedar akan akibat buruk yang bakal menimpa sekiranya mereka cuai dalam menjalankan tugas masing-masing.

Jika dihitung tempoh perkhidmatannya, Tan Sri Mohd Sidek telah berkhidmat dalam perkhidmatan awam lebih 38 tahun. Sepanjang tempoh itu juga, beliau telah menunjukkan prestasi perkhidmatan yang cemerlang, sekali gus membolehkan beliau menerima pelbagai anugerah kebesaran negara, iaitu P.M.N, P.S.M, S.J.M.K, S.P.M.S, S.P.C.M, S.S.A.P, S.U.M.W, D.G.S.M, P.N.B.S, D.H.M.S, D.I.M.P, dan K.M.N. Beliau juga dianugerahkan *Distinguished Service Order* oleh Kerajaan Singapura.

Selain itu, Tan Sri Mohd. Sidek juga adalah penerima Ijazah Kehormat Doktor Pentadbiran Awam daripada Universiti Tun Abdul Razak (UNITAR). Justeru, sebagai mengiktiraf pengalaman, kepakaran, dan sumbangan beliau dalam perkhidmatan awam, Universiti Teknikal Malaysia Melaka dengan sukacita dan bangganya menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Pengurusan kepada YBhg. Tan Sri Mohd. Sidek bin Haji Hassan.





Honorary Doctorate Recipient

YBHG. TAN SRI MOHD. SIDEK BIN HAJI HASSAN

HONORARY DOCTORATE IN MANAGEMENT

Tan Sri Sidek was born 24 June 1951 in Pekan, Pahang Darul Makmur. He obtained the Bachelor of Economics (Honours) in Public Administration from University of Malaya in 1974. He then continued his studies at New Hampshire College in the United States of America and obtained the degree of Master in Business Administration (MBA) in 1984. Tan Sri Sidek started his Administrative and Diplomatic

Services (PTD) career in April 1974 as the Assistant Director at the Division of International Trade in the Ministry of International Trade and Industry. He was then appointed Assistant Trade Commissioner at the Malaysian Embassy in Tokyo, Japan from May 1977 to July 1980. After his stint in Tokyo, he returned to Malaysia to take up the post of Head of Assistant Director for the Implementation Coordination Unit at the Prime Minister's Department in August 1980. Tan Sri Sidek was then promoted to Deputy Director of the Implementation Coordination Unit, first in the Project Analysis Sector in March 1982 and then in Research in July 1984.

He has extensive working experience within the Ministry of International Trade and Industry. During his service at the Ministry, he held various key positions. He was the Trade Commissioner of Malaysia in Sydney, Australia, the Deputy Director in the Policy and Research Division, the Deputy Director of Operations in the International Trade Division, the Minister Counselor of Economic Affairs at the Malaysian Trade Commissioner's Office in Washington, D.C., United States, and the Director of Multilateral Relations Division.

He was appointed Deputy Secretary-General (Trade) 19 January 2001 and thereon promoted to the post of Secretary-General of the Ministry of International Trade and Industry 24 October 2004. In 2006, Tan Sri Sidek was appointed Chief Secretary to the Government of Malaysia. When he reached the mandatory retirement age in 2007, his services as Chief Secretary to the Government was extended several times until June 2012.

After retiring from his post as Chief Secretary, Tan Sri Sidek was appointed Chairman of PETRONAS in July 2012. Currently, his other positions include the Chairman of MRT Corporation and President of International Islamic University of Malaysia (IIUM).

When asked about his life motto, Tan Sri states that he always practices "simplicity." While working as Chief Secretary, he was always concerned about the problems faced by the clients and stakeholders with the public services, for example, the difficulty in obtaining an appointment with an officer or getting official forms at some government departments or agencies.

"These issues could be simplified if we take the ownership of our responsibilities," said Tan Sri Sidek. He states that if each public servant feels that he or she is personally responsible for the services performed and do not hide behind policies or regulations that might be outdated, service performance can be improved exponentially and dramatically in every aspect.

Tan Sri also stresses that integrity is an essential characteristic of a public servant. Integrity must never be compromised for any reason. Every public servant should strengthen and defend the integrity of public service from any form of power abuse or corruption. He stresses that integrity should be practised and realised in a bigger context. Integrity does not only mean that public servants should keep themselves away from bribery, corruption or power abuse; integrity means that public servants must possess positive values like loyalty, honesty, and trustworthiness in maintaining organisational and public interests and rights.

In the context of integrity, a public servant should always be honest in implementing government policies, programmes, and projects; sincere in giving advice and opinion; transparent with any important or crucial information that can negatively affect the department's performance; and conscious of the negative implications that can result if they fail to discharge their duties correctly. In terms of duration of service, Tan Sri Sidek has been a public servant for

more than 38 years. During those years, he provided an excellent service that brought about national recognition. He was bestowed with many national honours, such as P.M.N, P.S.M, S.J.M.K, S.P.M.S, S.P.C.M, S.S.A.P, S.U.M.W, D.G.S.M, P.N.B.S, D.H.M.S, D.I.M.P, dan K.M.N. He was also honoured with the "Distinguished Service Order" by the Government of Singapore. Besides that, Tan Sri Sidek was presented with an Honorary Doctorate in Public Administration by Universiti Tun Abdul Razak (UNITAR). In recognition for Tan Sri Sidek's experiences, expertise, and contributions to the public service, Universiti Teknikal Malaysia Melaka is honoured and proud to bestow upon Yang Berbahagia Tan Sri Sidek bin Hassan the Honorary Doctorate in Management.

Anugerah Ijazah Kehormat

YBHG. DR. IR. EDI NOERSASONGKO

IJAZAH KEHORMAT DOKTOR PEMBANGUNAN PENDIDIKAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

Dilahirkan pada 16 Jun 1955 di Semarang, Indonesia, Dr. Ir. Edi Noersasongko (dikenali juga sebagai Pak Edi) dianggap seorang tokoh akademik yang unik. Pengalamannya sebagai pekerja batik dan wakil penjual sistem komputer, pengatur dan juruanalisa sistem di sebuah firma komputer di Jakarta, banyak mempengaruhi kejayaan kerjayanya dalam bidang akademik dan usahawan. Prinsip beliau yang mengutamakan pencapaian dan mendahulukan keperluan pelanggan juga menyebabkan beliau terus berjaya. Pak Edi berjaya memajukan pendidikan bidang teknologi maklumat di Indonesia, hingga menyebabkan beliau dilantik sebagai Rektor Universitas Dian Nuswantoro (UDINUS) iaitu sebuah universiti swasta terulung di Indonesia.

Menelusuri susur galur kewujudan UDINUS, ia bermula dengan minat yang mendalam Pak Edi terhadap bidang perniagaan hingga menyebabkan beliau nekad untuk berhenti kerja. Perubahan kerjaya dari ahli akademik yang stabil ke bidang usahawan bukanlah suatu perkara yang mudah, tambahan pula Pak Edi menjadi penyumbang nafkah utama seluruh keluarga besarnya. Keperitan hidupnya teruji setelah dua fasa pinjaman dibuat sebagai modal perkembangan perniagaannya. Hanya tawakkal kepada Allah yang memberikan kekuatan kepada Pak Edi sekeluarga untuk meneruskan perjuangan.

Pinjaman pertama berjumlah 65 juta rupiah pada tahun 1986, digunakan untuk menubuhkan sebuah pusat latihan komputer (IMKA) yang menawarkan pelbagai kursus komputer kepada masyarakat untuk celik IT di tempat kelahirannya, iaitu Semarang. Malahan, pusat ini berperanan besar mewujudkan banyak peluang pekerjaan. Akhirnya, IMKA berjaya meluaskan empayarnya ke beberapa kota besar di Pulau Jawa, seperti Surakarta, Yogyakarta, Surabaya, Bandung dan Jakarta. Ini kerana, pada tahun 1990 merupakan bermulanya kepesatan teknologi maklumat dan keperluannya dalam bidang perbankan. Kekurangan tenaga mahir dalam bidang teknologi maklumat amat dirasai di Indonesia. Kursus komputer yang ditawarkan oleh IMKA tidak lagi memadai tetapi memerlukan kewujudan institusi peringkat yang tinggi.

Pinjaman kedua daripada Bank Pembangunan Daerah sebanyak 400 juta rupiah bertujuan menubuhkan Yayasan Dian Nuswantoro (YDN) yang kemudiannya bertanggungjawab untuk mendirikan dan mentadbir sebuah akademi pendidikan tinggi pengkhususan dalam bidang komputer, di Kota Semarang dengan nama Akademi Manajemen Informatika dan Komputer "Dian Nuswantoro" (AMIK Dian Nuswantoro). Kejayaan Pak Edi bermula dengan pengambilan pertama pelajar seramai 54 orang pada tahun 1990.

Pada tahun 1994, nama AMIK ditukar kepada Sekolah Tinggi Manajemen Informatika dan Komputer (STMIK) Dian Nuswantoro dengan penawaran empat program termasuk Manajemen Informatika dan Komputer dan Teknik Informatika. Kampus STMIK Dian Nuswantoro sungguh luas sehingga mampu memiliki beberapa makmal komputer yang lengkap dan mahasiswa lebih 9,000 orang. STMIK juga berjaya menghasilkan melebihi 1,000 mahasiswa peringkat Sarjana Komputer serta 2,994 Ahli Madya Komputer. Ketika itu, Pak Edi berperanan selaku Ketua STMIK dan isterinya pula menjadi Ketua Yayasan Dian Nuswantoro (YDN).

Namun begitu, beliau tidak pernah menganggap kejayaannya adalah hak miliknya seorang malah dibantu oleh prestasi memberangsangkan daripada semua pihak.

YDN juga bertanggungjawab menubuhkan Sekolah Tinggi Ilmu Ekonomi (STIE) Dian Nuswantoro pada 22 Februari 1999 dengan penawaran program pengajian Manajemen; Akuntansi dan Perpajakan. Jumlah mahasiswa pada pengambilan pertama tahun 1999/2000 ialah 187 orang dan meningkat kepada 359 orang pada 2000/2001. Pada tahun 1999 dan 2000, program pengajian Manajemen Informatika dan Teknik Informatika peringkat sarjana dan diploma mendapat pengiktirafan dari kerajaan. Penawaran program Komputersasi Akuntansi pada 15 Mac 2000 melengkapkan lagi program pengajian yang sedia ada.

Manakala Sekolah Tinggi Bahasa Asing (STBA) Dian Nuswantoro yang ditubuhkan pada tahun 2000 menawarkan program Kesusasteraan Inggeris, Bahasa Inggeris, Bahasa Jepun, dan Bahasa Cina. Penawaran ini menjadikan STBA Dian Nuswantoro sebagai pusat pengajian tinggi ketiga di Indonesia yang memiliki program Bahasa Cina selepas Universitas Indonesia (UI) dan Universitas Dharma Persada (Unsada) Jakarta, yang merupakan antara universiti terawal ditubuh sebelum 1965. Pelajar pada pengambilan pertama tahun 2000/2001 adalah seramai 466 orang.

YDN terlibat dalam pendidikan kesihatan apabila bekerjasama dengan sekumpulan doktor dan ahli kesihatan menubuhkan Yayasan Lintang Nuswantoro (YLN). YLN mendirikan Sekolah Tinggi Kesihatan (STIKES) Lintang Nuswantoro yang menjadi perintis kolej kesihatan di Indonesia dengan menawarkan program Kesihatan Masyarakat dan Hiperkes. Nama UDINUS mula muncul apabila keempat-empat pengajian tinggi di bawah YDN dan YLN (STMIK-STIE-STBA Dian Nuswantoro dan STIKES Lintang Nuswantoro) dinaik taraf menjadi lima fakulti utama dan digabungkan membentuk UDINUS pada 30 Ogos 2001. Pada tahun berikutnya, dua lagi program ditawarkan, iaitu Teknik Industri dan pasca sarjana Magister Komputer. Kini, pada tahun 2012 UDINUS telah mempunyai staf akademik melebihi 600 orang, pelajar seramai 12,437 orang beserta 1,949 pelajar menyertai pusat pasca sarjana. UDINUS juga di dalam proses mendirikan Fakulti Pergigian beserta pusat perubatannya sekali.

Setiap tahun, dianggarkan 1,400 graduan berjaya dilahirkan dan 60% daripadanya merupakan graduan jurusan komputer. Kelainan UDINUS berbanding yang lain ialah keupayaannya memiliki stesen televisyen kampus sendiri (TV-KU) untuk kegunaan pelajarannya. Selain itu, UDINUS turut memberi perhatian ke atas bidang penyelidikan dan keusahawanan.

Kerjasama UTeM-UDINUS mula terjalin pada tahun 2008 dan kedua-dua pihak bersetuju bertukar-tukar staf dan pelajar dalam konteks pembangunan akademik serta penyelesaian masalah dalam bidang sains komputer. Pertukaran bahan saintifik yang ada di kedua-dua pihak, pembangunan kurikulum bersama ke arah ijazah kedua untuk pelajar ijazah pertama dan pasca



siswazah kedua-dua universiti. Kerjasama dalam pengajaran dan penyelidikan dalam bidang yang dipersetujui yang turut membabitkan pelajar. Penajaan bersama seminar, bengkel, dan mesyuarat saintifik dalam perkara yang mempunyai kepentingan bersama dan program latihan, termasuk program ijazah dan bukan ijazah.

Pada tahun 2009, dua perjanjian persefahaman lain dibuat bagi melaksanakan dua program bersama iaitu penyelidikan bersama dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi serta program dwisarjana dalam Sains Komputer secara kursus. Oleh itu, UDINUS menghantar dua pensyarah dan empat ahli aluminya untuk mengikuti program pasca siswazah di UTeM. Enam lagi ahli alumni ditaja 75% yuran pengajian oleh UDINUS untuk mengikuti program siswazah di sini, manakala selebihnya ditaja oleh UTeM. Pada tahun 2010, Pak Edi hadir sebagai Senat Kehormat Konvokesyen ke-6 UTeM.

UTeM telah mengadakan kunjungan balas ke UDINUS pada Mac 2011 dengan menyertai Festival Kebudayaan Indonesia-Malaysia di Dewan Konvensyen UDINUS. Kunjungan ini dibalas oleh UDINUS dengan menghantar empat pelajarinya ke UTeM melalui program mobiliti pelajar mulai September 2011 hingga Februari 2012. Kos program ini ditaja oleh Ketua Pengarah Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan Republik Indonesia. UTeM turut menghantar 15 pelajar bagi mengikuti program yang sama di UDINUS, juga untuk tempoh yang sama. Pada bulan Oktober, Pak Edi sekali lagi diundang sebagai Senat Kehormat Konvokesyen ke-7 UTeM. Menariknya ialah konvokesyen tersebut turut meraikan lima graduan UDINUS pertama lulusan UTeM. Sebulan kemudian, seramai 41 staf akademik UDINUS serta pengetua Sekolah Tinggi Vokasional dan Senior Semarang telah mengadakan lawatan ke UTeM. Naib Canselor UTeM, Profesor Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan mengadakan lawatan balas akademik ke UDINUS pada 14 Mac 2012 dan beberapa siri perbincangan telah diadakan. Sempena konvokesyen UTeM ke-8 kali ini, lapan pelajar UDINUS berjaya menamatkan pengajian mereka di UTeM.

Pak Edi mendapati masih banyak lagi ruang kerjasama yang boleh diterokai antara UTeM dan UDINUS. Sebagai contoh, perusahaan batik mampu menghasilkan produk yang lebih bermutu jika perkongsian teknologi dapat direalisasikan. Kerjasama sebelum ini lebih menjurus kepada pertukaran pelajar dan perkongsian ilmu bidang teknologi. Malahan, jumlah pertukaran pelajar antara kedua-dua pihak juga perlu ditingkatkan agar kerjasama lebih berdaya maju untuk UTeM dan UDINUS. Setakat ini, seramai 35 pelajar UDINUS menjalani latihan di UTeM, khususnya dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Impian Pak Edi ialah menjadikan UDINUS terkemuka di peringkat antarabangsa hasil daripada kerjasama serta sokongan jitu pelbagai pihak.

Impak tertinggi kerjasama UTeM dan UDINUS ialah penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Pembangunan Pendidikan Teknologi Maklumat kepada Dr. Ir. Edi Noersasongko oleh UTeM sebagai mengiktiraf sumbangan dan kerjasama beliau dalam bidang tersebut.



Honorary Doctorate Recipient

YBHG. DR. IR. EDI NOERSASONGKO

HONORARY DOCTORATE IN EDUCATIONAL INFORMATION TECHNOLOGY

Dr. Ir. Edi Noersasongko (also known as Pak Edi), who was born 16 June 1955 in Semarang, is a force to be reckoned with in the development of information technology education in Indonesia. His previous experiences as a batik promoter, a computer salesman, and a system analyst have put him in a league of his own. His principles that emphasize achievement and client needs have led to his appointment as the Rector of Universitas Dian Nuswantoro (UDINUS), one of the most respected private universities in Indonesia.

UDINUS was established a few years ago out of Pak Edi's interest and love for the business field. He resigned from his then-current job to become active in business. The career change was not an easy adjustment from a financially stable job as an academician to the more uncertain world of an entrepreneur. He was the sole breadwinner on whom the entire family depended on. The challenges began upon receiving his first loan from the bank; however, his hopes and faith in ALLAH sustained and strengthened him in overcoming the obstacles in his life.

The first loan of 65 million rupiah in 1986 was used to build a computer training centre (IMKA) in his hometown of Semarang to provide computer courses as well as employment opportunities for the local community. Subsequently, numerous branches were open in cities such as Surakarta, Yogyakarta, Surabaya, Bandung, and Jakarta. This rapid development coincided with the rapid development of information technology especially in the banking sector. The lack of expertise in IT in Indonesia was keenly felt. The computer courses offered in his centres were not able to cater to all the demands which required the establishment of bigger and more sophisticated centres of learning.

The second bank loan of 400 million rupiah from Bank Pembangunan Daerah established the Yayasan Dian Nuswantoro (YDN). This foundation was responsible in initiating an advanced centre of learning, specializing in IT, called Akademi Manajemen Informatika dan Komputer Dian Nuswantoro (AMIK Dian Nuswantoro) in 1990 with the initial enrolment of 54 students in Kota Semarang.

In 1994, the name AMIK was changed to Sekolah Tinggi Manajemen Informatika dan Komputer Dian Nuswantoro (STMIK Dian Nuswantoro) with four programmes including Manajemen Informatika dan Komputer and Teknik Informatika. The campus was big enough to house several well-equipped computer laboratories and 9,000 undergraduates. STMIK Dian Nuswantoro also produced more than 1,000 holders of Sarjana Komputer as well as 2,994 Ahli Madya Komputer. At the time, Pak Edi was the head of STMIK while his wife was appointed as the head of the YDN. All along, he would always attribute his success not only to himself but also to his circle of supporters.

YDN also founded Sekolah Tinggi Ilmu Ekonomi (STIE) Dian Nuswantoro on February 2011 and offered Manajemen, Akuntansi and Perpajakan programmes. The initial enrolment for the 1999/2000 session was 187 students, and the number increased to 359 students in the following session. In the academic session of 1999 and 2000, the postgraduate and diploma programmes in Manajemen Informatika and Teknik Informatika were formally accredited by the government. The Komputerisasi Akuntansi programme was then offered in March 2000, thus completing the line-up of programmes by STIE Dian Nuswantoro.



Additionally, the Sekolah Tinggi Bahasa Asing Dian Nuswantoro (STBA Dian Nuswantoro) was established in 2000 offering academic programmes in English Language and Literature, Japanese, and Mandarin Languages. Consequently, STBA Dian Nuswantoro was recognized as the third earliest university offering the Mandarin language programme after Universitas Indonesia (UI) and Universitas Dharma Persada (Unisada) Jakarta with the first student intake of 466.

YDN founded Yayasan Lintang Nuswantoro (YLN) with a group of doctors and health practitioner sand focused on health communication. After that, YLN built Sekolah Tinggi Kesehatan Lintang Nuswantoro (STIKES Lintang Nuswantoro) that later became the Health College in Indonesia by offering Program Kesehatan Masyarakat dan Hiperkes. The name UDINUS came to light when all four higher institutions of learning under YLN and YDN were upgraded to faculties at UDINUS on 30 August 2001. The following year, two more programmes, the degree in Teknik Industri and the post-graduate degree in Magister Komputer, were offered. Today, UDINUS has more than 600 personnel, 12,347 students, and 1,949 postgraduate students. UDINUS is in the process of establishing its Faculty of Dentistry and Medical Centre.

Every year, about 1,400 graduates are produced, and 60% of them are from the computer programme. A unique feature of UDINUS is the establishment of its own campus television station (TV-KU) for the students.

The UTeM-UDINUS alliance, established in 2008, aims at facilitating the technology transfer between the two universities. This includes the development of a common curriculum, the exchange in cooperative learning and research, and the sponsorship of academic enrichment programmes for both students and staff of both universities. In 2009, two memorandums of understanding (MOU) were signed in order to implement two joint programs which are research in ICT and a double master degree in Computer Science by coursework. To support the alliance further, UDINUS sent two lecturers and four alumni to undergo post-graduate education at UTeM. Six other scholars were co-sponsored by the two universities with UDINUS contributing 75% of the tuition fees and the rest is borne by UTeM.



UTeM has sent representatives to visit UDINUS in March 2011 to participate in the Malaysia-Indonesia Cultural Festival. Following that, UDINUS sent four students to UTeM via the student mobility program in Semester 1, 2011/2012. The cost of the programme was sponsored by the Director General of Higher Education at the Ministry of Education and Culture of Indonesia. To reciprocate, UTeM sent 15 students to participate in the corresponding programme at UDINUS.

In October 2011, Pak Edi was once again invited as the Honorary Senate Member for the 7th UTeM Convocation ceremony. His presence also serves as encouragement for the first five UDINUS graduates at UTeM. A month later, 41 academicians from UDINUS and the Principal of Sekolah Tinggi Vokasional dan Senior Semarang paid

UTeM a visit to which the Vice Chancellor of UTeM gladly reciprocated on 14 March 2012. In this convocation, eight more UDINUS students will graduate.

Pak Edi sees that there is still room for fuller cooperation between the two universities such as the batik industry where technology transfer can greatly benefit the industry. The number of exchange students between the two institutions could be increased to encourage a more competitive cooperation. To date, 35 students are undergoing training at UTeM specifically in ICT.

For his contribution in the development of information technology education, Universiti Teknikal Malaysia Melaka is proud and honoured to bestow upon Dr. Ir. Edi Noersasongko the Honorary Doctorate in the Development of Education in Information Technology.



Anugerah Ijazah Kehormat

YBHG. DATO' SRI MOHD NADZMI BIN MOHD SALLEH

IJAZAH KEHORMAT DOKTOR KEUSAHAWANAN

Dato' Sri Mohd Nadzmi dilahirkan pada tanggal 1 Mei 1954 di Kota Bharu, Kelantan. Bapa kepada enam orang anak ini berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sastera dalam Ekonomi dari Universiti Ohio, Amerika Syarikat, dan juga memegang Ijazah Sarjana Muda Sains dalam bidang Kimia dan Matematik dari universiti yang sama. Beliau kemudiannya mendapat Ijazah Sarjana Sastera dalam bidang Ekonomi dan Statistik dari Miami University, Amerika Syarikat. Dato' Sri Mohd. Nadzmi ketika ini menjawat jawatan Pengerusi Eksekutif Nadicorp Holdings Sdn. Bhd. dan Express Rail Link Sdn. Bhd. Beliau juga merupakan Pengarah Urusan merangkap Pengerusi Konsortium Transnasional Berhad. Selain itu, beliau turut berperanan sebagai Pengerusi dan juga Pengarah Urusan di beberapa syarikat senaraian awam dan juga persendirian. Jawatan-jawatan penting lain yang pernah disandang beliau termasuklah Pengerusi Perusahaan Otomobil Nasional (Proton), jawatan yang beliau terajui selama tiga tahun (Jan 2009 – Mac 2012), Pengarah Urusan Proton (1993-1996) dan juga Ketua Pegawai Eksekutif merangkap Pengarah Eksekutif Edaran Otomobil Nasional Berhad (EON) selama dua tahun (1990-1992). Kemampuan beliau juga diiktiraf oleh pelbagai pihak sehingga membolehkan Dato' Sri Mohd Nadzmi dilantik menjadi ahli penasihat beberapa majlis dan jawatankuasa di peringkat negara. Beliau juga aktif berpersatuan sebagai saluran untuk beliau menyumbang khidmat bakti kepada negara. Antara persatuan yang menerima kepakaran beliau termasuklah Persatuan Badminton Malaysia (BAM) yang telah memilih beliau sebagai Presiden sejak tahun 2000. Selain itu, beliau juga dipilih untuk berkhidmat dalam Yayasan Kepimpinan dan Strategi Malaysia (YKSM) dan Tabung TV3 Bersamamu.

Ada sesuatu yang menarik ketika beliau mengimbas kembali keputusan yang diambil 34 tahun lalu sewaktu melanjutkan pelajaran di peringkat ijazah pertama. Beliau mengambil keputusan 'luar biasa' untuk meneruskan pengajian dalam tiga ijazah secara serentak dalam bidang yang berbeza iaitu Ekonomi, Kimia dan Matematik. Tindakan yang diambil ini hampir-hampir menggugat keyakinan diri beliau apabila memikirkan risikonya. Ketika itulah timbul keraguan apakah yang beliau cuba buktikan. Keyakinan beliau juga goyah apabila memikirkan apakah beliau mampu memikul cabaran ini. Namun begitu, berkat dengan kesungguhan dan usaha yang istiqamah, beliau berjaya membuktikan bahawa tiada apa yang mustahil. Lebih memberikan makna, risiko yang diambil menjadi titik tolak perubahan besar dalam kehidupan beliau khususnya dalam membangunkan ketahanan dalam diri untuk menghadapi cabaran hidup. Kekuatan yang beliau bina pasca krisis diri itu dijadikan bekalan terbaik untuk mengharungi dunia perniagaan yang penuh dengan cabaran.

Dato' Sri Mohd. Nadzmi memulakan kerjayanya sebagai pensyarah di Fakulti Ekonomi Sumber dan Perniagaantani di Universiti Pertanian Malaysia (UPM). Ketika ini tidak pernah terlintas langsung dalam pemikiran beliau merancang untuk berada dalam dunia perniagaan. Beliau mengakui bahawa takdir telah membimbing langkah beliau selama ini. Nasihat bapa beliau yang ketika itu merupakan Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan agar tidak mengikuti jejak langkahnya sebagai seorang birokrat menjadi pendorong yang besar buat Dato' Sri Mohd Nadzmi mencuba nasib dalam dunia korporat. Hanya setahun di UPM, beliau ditawarkan untuk berkhidmat di Petroleum Nasional Berhad (Petronas) dengan memegang jawatan eksekutif di Bahagian Pemasaran Antarabangsa. Seperti UPM, jodoh beliau tidak panjang di Petronas kerana selepas hanya setahun, Heavy Industries Corporation Malaysia Berhad (HICOM) telah melamar beliau untuk menyumbang kepakaran beliau dengan mereka.

Yang Amat Berbahagia (YAB) Tun Dr. Mahathir bin Mohamad (ketika itu Perdana Menteri) baru sahaja melancarkan Dasar Perindustrian Berat Negara dan HICOM memerlukan tenaga muda seperti Dato' Sri Mohd Nadzmi untuk menjayakan agenda

